

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 Disember 2016

SOALAN

Puan Bathmavathi Krisnan minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan samada Kementerian bercadang membantu lebih banyak NGO mengendalikan pusat jagaan warga emas demi menampung permintaan yang kian meningkat. Terdapat laporan akhbar baru-baru ini menunjukkan kesesakan berlaku di beberapa pusat jagaan warga emas yang menjejaskan mutu perkhidmatan yang diberikan.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap kebajikan warga emas yang ditempatkan di pusat-pusat jagaan yang dikendalikan oleh pihak Pertubuhan Kebajikan Sukarela (PSK). Untuk memastikan tahap perkhidmatan di pusat jagaan ini menepati standard yang ditetapkan, satu garis panduan penubuhan pusat jagaan telah ditetapkan oleh KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Bagi mematuhi peruntukan undang-undang tersebut, semua pusat ini perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS). Premis mereka juga perlu mendapat pengesahan dan kelulusan daripada agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Kesihatan. Setelah memenuhi keperluan ini, JKM akan mengeluarkan perakuan pendaftaran kepada pusat jagaan berkenaan berdasarkan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Pusat jagaan juga hendaklah mematuhi sekurang-kurangnya standard minimum pusat jagaan iaitu: (i) Mematuhi nisbah penjaga dengan penghuni iaitu seorang penjaga kepada 18 orang warga emas yang boleh mengurus diri sendiri atau seorang penjaga kepada 4 orang warga emas yang terlantar; (ii) Mematuhi nisbah penghuni dengan ruang lantai iaitu 3.0 meter persegi bagi seorang warga emas; (iii) Menyedia dan mempamerkan jadual menu makanan seimbang dan jadual aktiviti yang sesuai dengan warga emas; (iv) Pusat jagaan hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan warga emas; (v) Penyedia dan penyenggara rekod-rekod di pusat jagaan; dan (vi) Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis pusat jagaan. Berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga September 2016, terdapat sebanyak 341 buah pusat jagaan warga emas yang telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan (APJ) 1993. Daripada jumlah yang berdaftar tersebut, sebanyak 22 buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) menyediakan perkhidmatan jagaan dan tempat perlindungan kepada warga emas mendapat Bantuan Kewangan Kerajaan berjumlah keseluruhan sebanyak RM3.4 juta daripada JKM bagi tahun 2016 melibatkan seramai 1,802 orang penghuni warga emas yang menerima manafaat. Bagi menjaga kesejahteraan dan kebajikan golongan warga emas, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggalakkan PSK untuk menubuhkan pusat-pusat perlindungan khusus di bawah APJ 1993. Pihak Kementerian boleh menimbangkan pemohonan Bantuan Kewangan Kerajaan bagi menampung kos pentadbiran, makan minum penghuni dan pembaikan premis PSK.

